


DARI MANA ORANG-ORANG HAJI INDONESIA MESTI BERIHRAM

Masalah yang tertera di atas ialah buah pena Kiyai Hassan bin Ahmad yang terkenal, yang telah bermurah hati menghantarkan kepada “Qalam.”

Sayugia disebut pada tahun yang lalu Kiyai Hassan telah berangkat ke tanah suci dengan tujuan hendak mengerjakan haji tetapi beliau tidak dapat menunaikannya kerana tatkala berada di Mina beliau terus mendapat sakit lalu dibawa ke Jeddah. Beliau telah kembali ke Indonesia – di Bangil, Surabaya dan sudah pulih sihat wa alfiat – Pengarang Qalam.



(Oleh: Faḍīlat al-Ustādh Hassan bin Ahmad)

Berhubung dengan tulisan Jabatan Penerangan Agama dalam akhbar “Surabaya Pusat” 6 September 1956, saya memberi keterangan:

Menurut hadis riwayat Bukhārī dan Muslim dari Ibn ‘Abbās, bahawa Rasulullah (SAW) telah tetapkan “Dhū al-Ḥulayfah” sebagai *mīqāt* (tempat berhram) bagi ahl Madīnah, dan “al-Jahfah” bagi ahl Shām, dan “Qarn al-Manāzil” bagi ahl Najd, dan “Yalamlam” bagi ahl Yaman; dan sabdanya: “Bahawa *mīqāt-mīqāt* itu ialah tempat-tempat berhram bagi orang-orang yang jadi penduduk di jurusan-jurusan itu yang hendak mengerjakan haji atau umrah, dan jadi *mīqāt* juga bagi orang-orang lain yang hendak mengerjakan haji atau umrah yang meliputi tempat itu; sedang orang-orang yang berumahtangga di dalam batasan *mīqāt-mīqāt* itu boleh berhram dari rumahnya, hingga

orang Mekah boleh berhram dari Mekah.”

Tegasnya:

1. Orang-orang yang hendak mengerjakan haji atau umrah yang berdiam di jurusan *mīqāt* tersebut, wajib berhram dari *mīqāt* masing-masing.
2. Orang-orang lain yang hendak mengerjakan haji atau umrah yang akan meliputi salah satu *mīqāt* yang tersebut, wajib berhram dari situ.
3. Orang-orang yang berdiam antara Mekah dan salah satu *mīqāt*, hendaklah berhram dari rumahnya. Orang-orang Indonesia dan lain yang hendak mengerjakan haji atau umrah, apabila melewati Laut

“Yalamlam”, wajib berihram dari situ, dan yang berkawal terbang melalui Riyadh, wajib berihram dari “Qarn al-Manāzil” (antara Jeddah dan Riyadh); dan tidak sah haji seseorang yang melewati *mīqāt* pertama yang ia lalui.

Orang-orang yang dari kapal laut itu tidak sah berihram dari Jeddah, kerana mereka telah melewati tempat ihram yang pertama, iaitu Laut Yalamlam.

Orang-orang yang dengan kapal terbang tidak sah berihram dari Jeddah, kerana mereka sudah melewati Qarn al-Manāzil.

Orang-orang Indonesia yang sudah jadi penduduk Madinah, kalau hendak kerjakan haji atau umrah, boleh berihram dari “Dhū al-Ḥulayfah” (Bīr ‘Alī).

Orang-orang Indonesia yang keluar dari rumahnya ke Madinah bukan untuk mengerjakan haji atau umrah, tetapi setelah sampai di Madinah baharu datang fikiran hendak mengerjakan haji atau umrah, maka mereka mesti berihram dari *mīqāt* Madinah, iaitu Dhū al-Ḥulayfah.

Kita sama-sama maklum bahawa orang-orang Indonesia, dari rumahnya di Indonesia, sudah berniat hendak mengerjakan haji atau umrah.

Orang yang berkata: “Siapa-siapa berihram sesudah melewati *mīqāt*nya boleh diperbaiki dengan membayar dam (sesuatu sembelihan sebagai denda).” Itu, anggapan yang tidak berdalil sama sekali dari Allah atau dari rasul, hanya dari sebahagian ulama, sedang kita sudah maklum, bahawa ulama itu, walau bagaimanapun besarnya, tidak berhak sedikit jua pun membuat hukum atau menambahnya.

Seperkara lagi, Jabatan Penerangan Agama ada berkata, bahawa hal yang tersebut masalah khilafiah, oleh itu masing-masing boleh pilih mana yang disukainya.

Berhubung dengan ini, perlu saya beri keterangan pula,

bahawa yang dapat dikatakan khilafiyah itu ialah apabila di dalam satu urusan terdapat dua dalil yang berlainan, tetapi sama beratnya, atau satu dalil yang boleh difahamkan dua macam yang sama setimbang, pada waktu itu terpaksa kita lepaskan seseorang buat memilih mana yang ia rasa lebih kuat, kerana tidak ada lain jalan.

Di dalam satu urusan, kalau ada satu dalil dari Quran atau hadis, tetapi ada ulama memberi fatwa yang berlainan dengannya, maka tidak dapat kita katakan yang demikian masalah khilafiah, bahkan wajib, seribu wajib, kita tolak perkataan ulama itu bulat-bulat kerana kewajipan ulama ialah memberi penerangan bukan menambah atau mengubah hukum.

Jabatan Penerangan Agama itu berkata di dalam tulisannya, bahawa perselisihan ulama tentang haram itu ada tersebut di dalam *Nīl al-Awṭār*, *Subul al-Salām*, *Bidāyat al-Mujtahid*, *Tuḥfat* dan lain-lainnya.

Hendaklah Jabatan Agama mengetahui, bahawa di dalam satu kitab atau satu masalah kalau ada dua atau tiga macam pendapatan, tidak bererti yang demikian itu khilafiah yang boleh dipilih oleh seseorang apa yang ia sukai, walaupun tidak ada dalilnya. Tidak demikian! Bahkan mesti dipilih mana yang ada dalilnya lebih teguh.

Bukanlah kita ahli ilmu dan bukanlah ahli taqwa, kalau kita anjurkan seseorang memilih apa sahaja yang ia kehendaki dari pendapatan-pendapatan ulama yang bertentangan dengan tidak melihat dalilnya dan tidak memperhatikan mana dalil yang lebih kuat.

Satu masalah, jika sebahagian ulama halalkan dan sebahagian haramkan, sebahagian sahkan dan sebahagian tidak mengesahkan, maka kalau kita anjurkan umat memilih yang masing-masing senangi, tidakkah kita halalkan yang haram dan haramkan yang halal, dan tidakkah kita bererti kita sahkan yang batil dan batilkan yang

sahih?

Seseorang, sebelum memberi satu fatwa atau anjuran di dalam satu perselisihan dalam masalah agama Islam, wajib ia tahu apa yang dinamakan: agama Islam dan apa dasarnya! Apakah asasnya itu Quran dan hadis ataukah perkataan ulama yang beratus ribu yang satu dengan lainnya bertentangan dan berlawanan?

*

[Demikian huraian Kiyai Hassan mengenai masalah “Dari mana orang-orang haji Indonesia mesti berihram.” Selain dari itu di bawah ini kami turunkan dua maqalah beliau lagi bertajuk: “Rukun dan Wajib” dan “Masalah Khilafiah” – P. Q.].

Siapa membezakan antara rukun dan wajib?

Tuan Kiyai Haji Ibrahim, Kepala K.A.A (Ketua Urusan Agama – P.) Kabu Patin Palembang, menulis dalam “Surabaya Pusat” 19.9.56 bahawa:

Rukun haji itu lima perkara:

1. Ihram
2. Wukuf di Arafah
3. Tawaf
4. Sai
5. Memotong rambut

Siapa-siapa tidak kerjakan satu daripada lima perkara itu, hajinya tidak sah.

Wajib haji itu lima perkara:

1. Ihram dari *mīqāt*
2. Bermalam di Muzdalifah
3. Melontar jamrah
4. Bermalam di Mina
5. Tawaf widak

Siapa-siapa tidak kerjakan satu dari lima perkara itu, hajinya sah, tetapi wajib ia membayar dam dengan memotong seekor kambing untuk dibahagikan kepada fakir

miskin.

Dengan ini saya menerangkan bahawa:

1. Perkataan Tuan Haji Ibrahim tentang rukun-rukun itu betul.
2. Pembahagian Tuan Haji Ibrahim akan amal-amal haji kepada rukun dan wajib itu saya tidak keberatan.
3. Adapun perkataan Tuan Haji Ibrahim tentang wajib, kalau tidak dikerjakan, boleh diganti dengan sembelihan kambing itu, sepanjang peperiksaan saya tidak tersebut di dalam Quran dan tidak dalam hadis, sedang pokok agama kita tidak lain dari dua itu.

Saya bersedia rujuk kalau Tuan Kiyai Haji Ibrahim boleh tunjukkan keterangan dari Quran atau hadis yang jadi pokok bagi agama Islam.

*

Masalah Khilafiyah

Di dalam urusan agama, asal sahaja ada perselisihan – besar atau kecil, berat atau ringan, sedikit atau banyak – dinamakan “Masalah khilafiyah”, dan dikatakan bahawa tiap-tiap seorang boleh pilih mana yang ia mahu dan mana yang ia senangi.

Dahulu, yang sering kita dengar berkata demikian ialah kiai-kiai, setengah-setengah kiai dan menteri-menteri, tetapi sekarang, ucapan itu telah merata di mulut *ahl taqlīd* dan lain-lain.

Saya merasa perlu memberi sedikit penerangan tentang perkara tersebut.

Undang-undang agama Islam – sebagaimana undang-undang lain-lain agama dan sebagaimana undang-undang negara di dunia,

oleh sebab yang memahaminya itu manusia yang kekuatan akal dan ilmunya tidak sama – terdapat padanya perselisihan faham, disebabkan, pertama: Ada dua keterangan yang kelihatan bertentangan di dalam satu urusan, kedua: Ada satu keterangan yang boleh difaham dua macam.

Yang beginilah sebenarnya dapat dinamakan masalah khilafiyah apabila dua-dua keterangan dan dua-dua faham itu sama kuatnya dan sama beratnya, hingga sukar menggunakan salah satunya. Yang dimaksudkan dengan keterangan itu tentulah Quran dan sunnah.

Di dalam hal yang demikian inilah terpaksa kita berkata, bahawa seseorang boleh mengambil mana yang ia rasa kuat.

Ada beberapa macam khilafiyah yang sebenarnya bukan khilafiyah.

1. Satu urusan, jika seorang alim berkata “wajib”, umpamanya, dan seorang alim lain berkata “tidak wajib”, maka wajib kita periksa dalil masing-masing dari Quran atau sunnah. Perkataan yang ada dalilnya kita terima, dan yang tidak ada dalilnya kita tolak.

Yang begini bukan khilafiyah namanya dan tidak boleh kita anjurkan manusia pilih mana yang mereka sukai.

2. Satu perkara, jika ada hadis yang mewajibkan, umpamanya, dan ada hadis yang tidak mewajibkan, maka hendaklah kita pegang hadis yang sah dan kita tolak hadis yang lemah; dan sekiranya dua hadis itu sah, maka hendaklah kita ambil hadis yang lebih sah di antara dua hadis itu.

Yang demikian itu bukan masalah khilafiyah, dan tidak halal kita suruh umat pilih apa-apa yang mereka mahu dari dua yang berlawanan itu.

3. Jika Quran menetapkan sesuatu hukum bagi satu urusan, tetapi ada hadis yang menentangnya atau mengubahnya – walau pun hadis itu dikatakan sah – wajib kita tolak. Menolak hadis itu tidak bererti menolak perkataan Nabi (SAW), tidak sekali-kali! Tetapi bererti kita tidak percaya bahawa Nabi (SAW), pernah mengeluarkan ucapan yang berlawanan dengan Quran itu.

Yang serupa ini pun bukan khilafiyah dan tidak sayugia kita izinkan muslimin memilih mana yang mereka sukai.

Mudah-mudahan penerangan ini memberi faedah kepada pembaca yang mementingkan urusan agama.

IKHWAN DI MEKAH AL-MUKARRAMAH

Di antara anggota-anggota “Ikhwan” yang sedang berada di tanah suci ialah saudara Z. Ahmad Ta’yaḥī (Ikhwan 2107), *group*: Shaykh ‘Abd al-Rahman Ṣāliḥ Indragiri al-Qarārah, Makkah al-Mukarramah.

Dalam suratnya kepada “Qalam” saudara Ahmad menulis: “Sungguhpun saya di seberang lautan, ingatan masih berdamping dengan tuan, memperkenalkan diri kepada sahabat seperjuangan, di Tanah Melayu di dalam majalah tuan, sebab saya salah seorang dari pelajar al-Madrasah al-Khayriyyah al-Islāmiyyah Pokok Sena, Kepala Batas, Seberang Perai.”